

# **BAB EMPAT**

## **PENDIDIKAN SEJARAH DALAM KBSR DAN KBSM**

### **(1980 HINGGA 2002)**

#### **4.0 Pengenalan**

Pembelajaran sejarah selepas merdeka hingga lewat tahun 1970an tidak membawa banyak makna kepada usaha membina keperibadian bangsa Malaysia yang bersatu dan bersemangat patriotik. Terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan kurikulum dan perlaksanaannya. Antaranya ialah kekaburuan dalam falsafah dan matlamat pembelajaran, kandungan sukatan pelajaran yang bersifat 'western-centric', kandungan buku teks yang mengelirukan dan proses pembelajaran yang mebosankan.

Setelah meneliti beberapa kelemahan dalam sistem kurikulum lama, Jawatankuasa Kabinet (1979) telah memperakukan supaya seluruh sistem pendidikan disemak dan disusun semula. Pada peringkat ini, Jawatankuasa Kabinet (1979) telah memperakukan supaya pendidikan di peringkat menengah rendah: "... *hendaklah berupa perkembangan daripada kurikulum sekolah rendah, iaitu bagi mengukuhkan lagi pendidikan asas dan memperkenalkan pendidikan umum, yang juga merangkumi aspek-aspek pendidikan pra-vokasional.*" (Para 201.1, hal. 104). Manakala kurikulum di peringkat menengah atas pula: "... *hendaklah bercorak pendidikan umum sesuai bukan sahaja bagi murid-murid yang akan bekerja, bahkan bagi mereka yang akan terus menyambung pelajaran.*" (Para 206.1, hal 107). Seterusnya, Jawatankuasa Kabinet juga menegaskan pembentukan keperibadian para pelajar dari segi kecekapan berfikir dan

bertindak: "... sama ada secara sendiri mahupun beramai-ramai dengan berpandukan kepada punca akhlak yang mulia." (Para 452, hal. 227).

#### **4.1 Perlaksanaan Kurikulum Sejarah dalam KBSR dan KBSM**

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) mula dilaksanakan di Tahun Satu di semua sekolah rendah seluruh negara pada tahun 1983. Fokus utama KBSR adalah untuk membolehkan murid-murid mencapai kemahiran dalam tiga bidang asas, iaitu bidang komunikasi, bidang kemanusiaan dan alam sekelilingnya serta bidang perkembangan diri individu. Pendidikan peringkat rendah melibatkan kemahiran-kemahiran asas. Pendidikan dalam KBSR dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu Tahap Satu (Darjah Satu hingga Tiga) untuk tempoh tiga tahun yang awal dan Tahap Dua (Darjah Empat hingga Enam) untuk tempoh tiga tahun yang akhir dalam persekolahan peringkat rendah. Tahap Satu ditumpukan kepada penguasaan kemahiran-kemahiran asas. Unsur-unsur pendidikan sejarah digunakan sebagai isi kandungan Bahasa Malaysia melalui *penyerapan*. Oleh kerana KBSR Tahap Satu mementingkan kemahiran asas, iaitu membaca, menulis dan mengira (3M), maka pelbagai jenis bidang pengetahuan diserapkan dalam pembelajaran bahasa sebagai memupuk kemahiran asas 3M tersebut. Penyerapan ialah penyatuan isi pengetahuan daripada satu mata pelajaran dengan kemahiran-kemahiran dalam mata pelajaran lain. Melalui pembelajaran bahasa, murid dapat pengetahuan tentang sejarah disamping menguasai kemahiran asas bahasa.

Manakala pada Tahap Dua, pendidikan bertujuan untuk pengukuhan dan penggunaan kemahiran itu bagi mempelajari berbagai-bagai bidang ilmu. Tiga

komponen diberikan penekanan, iaitu Kemahiran Asas, Nilai Kerohanian dan Sikap/Kemanusiaan dan Persekutaran, dan Kesenian dan Rekreasi. Pendidikan Sejarah telah diterapkan dalam Komponen Kemanusiaan dan Persekutaran di bawah mata pelajaran Alam dan Manusia.

Mata pelajaran Sejarah digabungjalinkan dengan berbagai-bagai bidang pengetahuan daripada mata pelajaran-mata pelajaran Sains, Geografi, Sivik, Hal Ehwal Tempatan dan Pendidikan Kesihatan. Mata pelajaran Alam dan Manusia ini hanya mula diajar pada Tahun Empat dalam Tahap Dua. Dijangkakan mata pelajaran ini dapat menolong pelajar memperkembangkan dan memperkayakan ilmu pengetahuan serta dapat membantu mereka membuat keputusan yang rasional. Aspek sejarah yang terkandung dalam mata pelajaran ini ialah sejarah kebudayaan, adat resam, perlembagaan, pembangunan negara, perusahaan dan pengangkutan. Pembelajaran Alam dan Manusia ini menggunakan pendekatan integrasi yang menggabungkan berbagai-bagai bidang pengetahuan menjadi satu kesatuan yang menyeluruh. Menurut Lee Shok Mee (1988:35), dalam konteks pelajaran Alam dan Manusia, integrasi dimaksudkan sebagai "*... penyepaduan unsur-unsur dari berbagai-bagai bidang pengetahuan, kemahiran, dan aktiviti untuk menghasilkan suatu rancangan pelajaran yang menyeluruh dan harmonis.*"

Sejak KBSR di perkenalkan sehingga tahun 1998 di dapati bahawa pencapaian kemahiran dalam mata pelajaran Sejarah adalah paling rendah berbanding dengan mata pelajaran Sains, Geografi dan Tatarakyat. Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin (1988) telah menjalankan kajian untuk melihat kejayaan program KBSR bagi mata pelajaran Alam

dan Manusia.<sup>1</sup> Daripada kajian ini, didapati pencapaian kemahiran dalam mata pelajaran Sejarah amat lemah kerana hanya 36.5% sahaja murid mencapai kelulusan 50% ke atas. Ini dipaparkan seperti Jadual II di bawah:

**Jadual II**  
**Pencapaian Murid bagi Mata Pelajaran Sejarah dalam Komponen**  
**Alam dan Manusia Mengikut Jenis Sekolah**

Tahap Pencapaian (Markah)	Sek. Keb. (%)	Sek. Ren. Keb. (%)	Sek Ren. Jen. Keb.(C) (%)	Sek. Ren. Jen. Keb.(T) (%)	Jumlah (%)
50% ke atas	42.9	49.3	28.9	11.0	36.5
60% ke atas	24.7	30.3	12.9	4.2	20.2
70% ke atas	11.8	15.0	3.5	1.7	8.9
80% ke atas	4.3	5.3	0.5	0.4	2.9

(Sumber: *Sejarah Dalam Pendidikan*, 1992: 25)

Pada tahun 1994, Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah dipinda dan dinamakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) bertujuan untuk melahirkan murid-murid berperibadi seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani selaras dengan hasrat falsafah pendidikan negara. Dengan itu berlaku perubahan dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran sejarah. Mata pelajaran sejarah telah dipisahkan daripada mata pelajaran Sains, Ilmu Kesihatan, Sivik dan Hal-Ehwal Tempatan. Mata pelajaran Sejarah dan Geografi telah digabung menjadi matapelajaran bersepadu yang dikenali sebagai Kajian Tempatan (KT). Mata pelajaran ini merangkumi bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan yang membincarakan dan mengkaji interaksi manusia dengan manusia dan manusia dengan alam persekitarannya.

Tujuan mata pelajaran Kajian Tempatan ini ialah untuk membentuk rakyat Malaysia yang bersatu, hidup dalam masyarakat yang mempunyai nilai moral dan etika yang utuh, mengamalkan demokrasi, penyayang, progresif, sejahtera serta bersemangat patriotik.<sup>2</sup> Mata pelajaran ini diajar secara formal di Tahap Dua bagi mengukuhkan lagi pengetahuan, pemahaman, kemahiran, kesedaran dan nilai yang telah disepakunkan secara terancang dalam mata pelajaran lain di Tahap Satu, terutama mata pelajaran bahasa.

Keistimewaan pengenalan Kajian Sejarah Tempatan terletak pada aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajarannya yang banyak melibatkan pelajar-pelajar. Ia mempunyai hubungan yang rapat dengan kajian terhadap latar belakang sejarah diri masing-masing, berdasarkan ruang litup yang telah ditetapkan. Organisasi kandungan mata pelajaran ini adalah mengikut tiga ruang litup. Ruang litup pertama, iaitu rumah, keluarga, jiran dan sekolah menekankan interaksi murid dengan keluarga dan masyarakat serta amalan nilai-nilai hidup berjiran dan bermasyarakat. Ruang litup ini diajar di Tahun Empat persekolahan dan mengandungi unsur-unsur pendidikan sejarah, seperti sejarah salasilah diri dan keluarga murid itu sendiri.

Ruang litup kedua diajar di Tahun Lima persekolahan, bertujuan menyedarkan murid tentang identiti dan keistimewaan kawasan tempat tinggal mereka (spt. mukim, daerah, jajahan, bahagian dan negeri), serta latar belakang dan identiti negaranya, supaya mereka cinta dan bangga kepada negara. Antara topik-topik yang ditekankan ialah Kesultanan Melayu Melaka, Sejarah Awal Sabah dan Sarawak, Zaman Penjajahan, Kemerdekaan dan Penubuhan Malaysia, serta Warisan Peninggalan Sejarah.<sup>3</sup>

Ruang litup ketiga diajar di Tahun Enam persekolahan, bertujuan memberi pendedahan tentang sejarah sosio-ekonomi dan kejayaan serta kebanggaan negara Malaysia.<sup>4</sup> Dengan ini, murid-murid akan dapat menghargai keperibadian bangsa serta mempunyai semangat patriotik kearah pembinaan bangsa dan negara. Unsur-unsur sejarah yang ditekankan antaranya ialah sejarah pembinaan Bangsa dan Negara, asas-asas Perlembagaan Negara, prinsip-prinsip Rukunegara, bahasa, budaya, agama dan kepercayaan. Walau bagaimanapun, mata pelajaran ini tidak dimasukkan dalam komponen mata pelajaran yang dinilai dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Ini memberi implikasi terhadap pemberatan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

Kurikulum peringkat menengah telah digubal semula dan dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan mula dilaksanakan di sekolah-sekolah secara berperingkat-peringkat pada tahun 1988 di Tingkatan Satu dan Kelas Peralihan. Walau bagaimanapun, perlaksanaan kurikulum pada peringkat ini adalah terhad kepada empat aspek bahasa, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sahaja. Pada tahun 1989, barulah KBSM dilaksanakan sepenuhnya di Tingkatan Satu yang melibatkan semua mata pelajaran teras, termasuklah mata pelajaran Sejarah.

Matlamat pendidikan menengah adalah untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Mata pelajaran sejarah dalam KBSM merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar sekolah menengah. Peruntukan waktu bagi mata pelajaran ini ialah tiga waktu

seminggu, di mana setiap waktu memakan masa selama empat puluh minit. Mata pelajaran Sivik telah digugurkan dan unsur-unsur mata pelajaran itu telah dimasukkan dalam mata pelajaran sejarah.

Matlamat pendidikan Sejarah di peringkat KBSM ialah untuk memupuk semangat kesetiaan kepada negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia, melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanahair. Melalui pemahaman dan penghayatan, nilai-nilai kewarganegaraan yang hendak dipupuk ialah perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia, semangat setianegara, disiplin, patriotisme, perasaan ingin berusaha dengan bersungguh-sungguh dan produktif.

Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) memperlihatkan perubahan yang besar dari segi organisasi dan struktur pemilihan isi kandungan. Berbeza dengan kurikulum sebelumnya, kurikulum sejarah baru ini secara keseluruhannya adalah berfokus kepada Sejarah Malaysia dan sejarah negara luar dipelajari mengikut kerelevannya dengan negara Malaysia. Satu pembaharuan yang nyata ialah adanya komponen Kajian Sejarah Tempatan yang bertujuan menggalakkan pelajar membuat penyelidikan, di samping mewujudkan suasana keseronokan belajar. Kajian sejarah tempatan juga bertujuan membolehkan pelajar menghargai dan berbangga dengan sejarah masyarakat dan persekitaran, mengukuh semangat kekitaan dan perpaduan, serta dapat memperkaya khazanah sejarah setempat.

Perubahan seterusnya ialah matlamat dan tujuan mempelajari Sejarah telah ditentukan dengan jelas dan terperinci, berasaskan matlamat Falsafah Pendidikan

Negara. Perincian kurikulum dan sukatan pelajaran telah dinyatakan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah. Aspek penghuraian ini tidak terdapat dalam kurikulum lama yang dilaksanakan sebelum ini. Matlamat pengajaran dan pembelajaran Sejarah bukan hanya untuk pemerolehan ilmu semata-mata, sebagaimana sebelumnya, tetapi lebih penting lagi adalah untuk melahirkan pelajar yang dapat menguasai fakta dan isi pelajaran dengan baik disamping mengasah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Peranan dan fungsi mata pelajaran Sejarah dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan mempunyai nilai-nilai kewarganegaraan yang baik juga diberi keutamaan dalam kurikulum Sejarah yang baru ini.

Terdapat dua bahagian dalam kurikulum pendidikan negara, di mana nilai-nilai kewarganegaraan dicatatkan. Pertama, nilai-nilai kewarganegaraan termasuk dalam tujuh belas nilai murni. Kedua, tercatat dalam kurikulum KBSM mata pelajaran sejarah seperti berikut: "*... Pendidikan Sejarah adalah untuk memupuk semangat setianegara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia. Pelajar akan memahami keadaan masyarakat dan negara dalam mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan sebagai satu unit tunggal.*" (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991, hal. ix) Guru-guru Sejarah dipertanggungjawabkan untuk menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka. Pembuat dasar dan penggubal kurikulum mata pelajaran Sejarah juga beranggapan bahawa mata pelajaran ini merupakan saluran terbaik untuk menerapkan ilmu kewarganegaraan di dalam diri anggota masyarakat, khususnya pelajar-pelajar.<sup>5</sup>

Di peringkat sekolah menengah rendah, pembelajaran tentang sejarah negara

meliputi jangka masa selama lima ratus tahun yang disusun secara kronologis. Ini bertujuan memberi pemahaman yang menyeluruh serta gambaran yang lengkap tentang sejarah negara. Rentetan tentang kisah-kisah sejarah diperkenalkan dalam bentuk tema-tema untuk dijadikan pokok perbincangan. Pembahagian mengikut tema ini adalah merupakan satu pembaharuan yang besar dalam struktur kurikulum mata pelajaran Sejarah ini. Pemilihan tema-tema seperti di bawah adalah menepati matlamat pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang berorientasikan tempatan dan bagi maksud membina jati diri bangsa Malaysia. Terdapat tujuh tema utama, iaitu:

- (i). Keagungan Kesultanan Melayu Melaka Menjadi Kebanggaan Kita Bersama;
- (ii). Kerajaan-Kerajaan Melayu Selepas Melaka Menjadi Asas Kerajaan-Kerajaan Negeri Masa Kini;
- (iii). Kemakmuran Dan Kekayaan Negara Kita Menarik Kuasa Luar Untuk Menajah Negara Kita;
- (iv). Tindak Balas Untuk Menebus Maruah Bangsa Dan Negara;
- (v). Perjuangan Rakyat Ke Arah Kemerdekaan Tanah Air;
- (vi). Pembentukan Negara Malaysia, dan
- (vii). Pengisian Kemerdekaan.

*(Sukatan Pelajaran Sejarah Ting. III, KPM.1991. hal. vii)*

Daripada tujuh tema di atas, dua tema pertama dipelajari di Tingkatan Satu, dua tema seterusnya dipelajari di Tingkatan Dua dan tiga tema terakhir dipelajari di Tingkatan Tiga. Di Tingkatan Satu, selain dua tema utama, aspek-aspek sejarah tempatan juga dikaji. Pengkajian sejarah tempatan bertujuan memberi pengalaman secara langsung kepada pelajar mengkaji aspek-aspek sejarah yang ada disekeliling

mereka. Melalui pengkajian ini, kemahiran seperti mencari, mengumpul, mengelas, mentafsir maklumat dan fakta sejarah dapat dipertingkatkan. Aspek-aspek yang dijadikan kajian adalah seperti sejarah tokoh, peristiwa, perkembangan ekonomi, adat-resam dan tradisi setempat. Ia dikendalikan secara projek atau kerja kursus.

Umumnya, pengkajian sejarah tempatan ini merupakan pengayaan dan peningkatan kepada skop pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Aspek-aspek kemahiran belajar dan nilai-nilai diperkuuh dan diperkembangkan lagi. Kandungan sejarah disusun secara kronologis atau rentetan peristiwa-peristiwa sejarah yang membawa tema-tema tersendiri. Ini bertujuan bagi mengembangkan isi pelajaran atau kandungan yang hendak dibincangkan. Huraian lanjut mengenai tujuh tema dalam kurikulum Sejarah peringkat sekolah menengah rendah, terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah terbitan Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia 1991. (Sila rujuk Lampiran G)

KBSM di peringkat menengah atas mula dilaksanakan pada tahun 1991 di Tingkatan Empat. Pada tahun 1992, buat pertama kali peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menggunakan kurikulum baru ini. Matlamat pendidikan sejarah pada peringkat ini adalah untuk memupuk dan memperkuuh identiti diri sebagai warganegara Malaysia dan wargadunia. Tumpuan diberikan kepada pemahaman dan penghayatan perkembangan peradaban bangsa dan negara, serta peradaban manusia dalam berbagai-bagai aspek kehidupan.

Kajian tentang peradaban ini dibahagikan kepada dua komponen iaitu Komponen

Negara Malaysia dan Komponen Dunia. Dalam Komponen Negara Malaysia, tumpuan ialah kepada sejarah perkembangan peradaban bangsa dan negara dan penekanan terhadap proses perubahan dan kesinambungan dalam peradaban bangsa dan negara. Bagi Komponen Dunia, perhatian ialah kepada sejarah evolusi peradaban manusia yang menekankan ciri-ciri keunikan, perkaitan dengan tamadun lain dan sumbangannya dalam kehidupan manusia hari ini. Tema dan skop yang ditekankan bagi Komponen Negara Malaysia dihuraikan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Menengah Sejarah Menengah Atas (1991) oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. (Sila rujuk Lampiran H)

Format peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi mata pelajaran Sejarah merangkumi dua kertas, iaitu Kertas I dan Kertas II. Kertas I mengandungi 40 soalan objektif yang meliputi semua tajuk daripada Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan Empat (Sejarah Peradaban Dunia). Calon-calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam masa satu jam. Manakala Kertas II terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi enam soalan esei yang meliputi semua tajuk daripada Sukatan Pelajaran KBSM Tingkatan Lima (Sejarah Malaysia) dan Bahagian B pula mengandungi 2 soalan esei yang merangkumi tajuk-tajuk dalam Komponen Sejarah Peradaban Dunia Tingkatan Empat. Calon-calon dikehendaki menjawab mana-mana tiga soalan dalam Bahagian A bagi tempoh satu jam dan satu soalan sahaja dalam Bahagian B bagi tempoh 2 jam.

Mata pelajaran Sejarah di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) (Tingkatan Enam Rendah dan Atas) bertujuan mewujudkan unsur-unsur kesinambungan

dan kelangsungan pendidikan dan pembelajaran Sejarah di peringkat KBSR dan KBSM dengan perspektif yang lebih mendalam bagi memupuk dan menyemai sifat-sifat pemikiran yang kritis dan mahir menganalisis di kalangan pelajar. Di peringkat ini, pemahaman yang lebih mantap mengenai sejarah proses perubahan masyarakat Malaysia dan Asia di abad ke-19 dan ke-20 ditekankan untuk menyemai dan memupuk serta mengukuhkan sifat jati diri dan semangat kekitaan dan identiti Malaysia. Selain itu, tujuan pendidikan Sejarah di peringkat ini adalah menyediakan wadah yang kukuh bagi pelajar mengikuti pengajian tinggi, menyediakan pelajar untuk kerjaya, mencernakan semangat kecintaan kepada bangsa dan negara, serta kepekaan terhadap masyarakat sarwajagat.

Objektif pendidikan Sejarah di peringkat ini ialah seperti berikut:

- (a). Memahami asas-asas ilmu sejarah seperti konsep, sebab-musabab, perubahan dan kesinambungan, dan penggunaan istilah yang tepat.
- (b). Berkebolehan mengendalikan sumber sebagai bukti sejarah seperti mengumpul, memilih, menilai dan mentafsir.
- (c). Berkebolehan mengenal dan menilai pelbagai pendekatan, pentafsiran dan pendapat tentang peristiwa sejarah.
- (d). Berkebolehan memberikan gambaran yang jelas dan padat serta hujah yang logik.
- (e). Berkebolehan menganalisis dan merumus serta berfikir secara kritis dan rasional.
- (f). Berkeupayaan memahami proses perubahan masyarakat dan tamadun.
- (g). Mengukuhkan pemahaman tentang sejarah Malaysia dan kaitannya dengan sejarah luar Malaysia.
- (h). Menghayati dan mengambil iktibar daripada sejarah.

Organisasi kandungan mata pelajaran Sejarah STPM terdiri daripada dua komponen, iaitu Komponen Tamadun Dunia Hingga Tahun 1800, meliputi tamadun-tamadun awal dunia dan Tamadun Islam. Komponen kedua meliputi Sejarah Malaysia, Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur dari tahun 1800 hingga 1963. Setiap komponen diperkenalkan melalui pendekatan mengikut tema-tema tertentu. Ia memperlihatkan perbezaan yang jelas berbanding dengan kurikulum lama yang hanya menyenaraikan tajuk-tajuk untuk dipelajari semata-mata.

Pengenalan komponen Tamadun Dunia memberi peluang kepada pelajar-pelajar menyingkap dan memahami ciri-ciri masyarakat pra-sejarah awal dan akhir serta pertumbuhan tamadun-tamadun awal dari aspek petempatan, perbandaran, organisasi sosial dan kepercayaan dan agama. Ternyata dalam hal ini persoalan yang lebih luas dan mendalam berkaitan asas-asas pembentukan dan pertumbuhan tamadun dunia dibincangkan. Pelajar juga diberi pendedahan berkenaan kepelbagaiannya bentuk dan sistem pemerintahan dan pentadbiran, meliputi proses pembentukan Negara Kota, Empayar, Negara Bangsa, bentuk Pemerintahan Beraja dan Republik, serta Pentadbiran Pusat dan Wilayah. Tumpuan diberikan kepada proses pembentukan dan perkembangannya, struktur serta persamaan dan perbezaan antara bentuk-bentuk pemerintahan dan pentadbiran di atas.

Bagi melahirkan pelajar yang mempunyai kesedaran, kepekaan dan semangat ingin mempertahankan kedaulatan bangsa, diperkenalkan tema Ketahanan dan Pertahanan. Tumpuan diberi kepada Konsep Ketahanan dan Pertahanan dari segi fizikal dan mental, dan Organisasi Kerajaan-Kerajaan Dalam Tamadun Awal dari segi

ketenteraan, taktik dan strategi serta jenis-jenis tentera. Pelajar juga didedahkan dengan pengetahuan tentang Konsep dan Sistem Ekonomi Sara Diri dari aspek ekonomi komersial dan kapitalisme. Penekanan juga diberikan kepada aspek-aspek prasarana, sistem kewangan, cukai dan perbendaharaan.

Sukatan ini juga memberi penekanan kepada aspek-aspek berkaitan dengan konsep, dasar dan institusi Pendidikan, serta Kurikulum yang diamalkan dalam perkembangan tamadun dunia. Seterusnya, pelajar dibawa meninjau sejarah penjelajahan dan penerokaan, asal-usul dan pencapaian serta sumbangan tokoh-tokoh seperti Marco Polo, Christopher Columbus, Ferdinand Magellan, Vasco Da Gama, Cheng Ho dan I Ching. Akhir sekali, perbincangan mengenai konsep kesenian, pencapaian dan sumbangan dalam bidang kesusastraan, muzik, seni bina, seni lukis, seni ukir dan teater diketengahkan. Ini penting dalam menimbulkan kesedaran tentang keindahan kesenian dan kebudayaan yang mempunyai nilai-nilai estetika kearah melahirkan generasi yang menghargai hasil-hasil kesenian.

Bahagian B memberi tumpuan kepada perkembangan Tamadun Islam. Penekanan diberi kepada pemahaman dan penghayatan konsep manusia zaman Jahiliah, konsep manusia mengikut Al-Quran, dan konsep Ummah dalam Islam. Pelajar juga dapat membincangkan tentang perkembangan masyarakat berkabilah sehingga halah kepada ummah yang lebih terbuka, iaitu pada zaman Nabi Muhammad S.A.W. . Bahagian ini juga memberi penekanan kepada perbincangan aspek-aspek pemerintahan dan pentadbiran Islam yang berdasarkan Syahifah Madinah berpandukan wahyu dan konsep Musyawarah, serta ciri-ciri kempimpinan yang baik berdasarkan ketakwaan,

keimanan, berakhhlak mulia, mengetahui siasah dan sejahtera. Turut disentuh ialah institusi pemerintahan dalam zaman khalifah yang melibatkan proses pemilihan dan pentadbiran yang berasaskan musyawarah dan baiah.

Tema-tema seterusnya dalam bahagian ini menyentuh aspek-aspek ketahanan dan pertahanan dalam Islam yang berasaskan Jihad, sistem ekonomi Islam, pendidikan Islam yang berasaskan Wahyu, dan perkembangan ilmu dan kesenian dalam tamadun Islam

Komponen Kedua merangkumi Sejarah Malaysia, Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur (1800 hingga 1963). Komponen ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A: Sejarah Malaysia dan Bahagian B: Sejarah Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur. Setiap bahagian dipecahkan kepada empat tema, iaitu Masyarakat Tempatan, Transformasi Masyarakat, Nasionalisme dan Pembentukan Negara Bangsa dan Pengisian Kemerdekaan.

Perbincangan meliputi konsep, struktur dan peranan dalam institusi pemerintahan sistem beraja dan sistem pembesar dan latar belakang peluasan kuasa asing serta kemunculannya. Ia juga memaparkan cara campurtangan kuasa-kuasa penjajah melalui proses perjanjian dan peperangan. Komponen ini membincangkan kesan migrasi terhadap masyarakat dan negara-negara jajahan, dan kebangkitan semangat nasionalisme dan pembentukan negara bangsa serta sumbangan golongan-golongan tertentu ke arah perjuangan kemerdekaan. Pelajar juga didedahkan dengan sejarah pembangunan sosial dan ekonomi serta perkembangan politik negara selepas

mencapai kemerdekaan. Turut diberi penekanan ialah perbincangan mengenai hubungan serantau dan antarabangsa sesebuah negara serta kepentingannya dalam membangunkan negara.

Format peperiksaan bagi Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) bagi mata pelajaran Sejarah terdiri daripada dua kertas, iaitu Kertas I dan Kertas II. Kertas I ialah komponen Tamadun Dunia hingga 1800. Kertas ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A merangkumi tamadun-tamadun awal manusia dan Bahagian B merangkumi tamadun Islam. Sebanyak lapan soalan dikemukakan pada setiap bahagian dan calon dikehendaki menjawab dua soalan daripada setiap bahagian. Markah bagi setiap soalan ialah 25 markah dan masa yang diperuntukkan ialah selama tiga jam. Kertas I mempunyai wajaran 50% daripada markah keseluruhan. Begitu juga dengan Kertas II, iaitu sebanyak 50%. Kertas II terdiri daripada sejarah Malaysia, Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur (1800 hingga 1963). Kertas ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A: Sejarah Malaysia dan Bahagian B: Sejarah Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur. Sebanyak enam soalan dikemukakan dalam setiap bahagian dan calon dikehendaki menjawab dua soalan daripada setiap bahagian. Bahagian ini juga memperuntukkan masa selama tiga jam dan markah bagi setiap soalan juga adalah 25 markah.

Mata pelajaran Sejarah dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan mata pelajaran teras, yang wajib dipelajari oleh semua pelajar sekolah menengah. Tumpuan pengajaran dan pembelajaran Sejarah bukan sahaja menuju ke arah pemerolehan ilmu pengetahuan tetapi juga ke arah perkembangan

kemahiran belajar, dan pemupukan serta penghayatan nilai-nilai murni. Pendekatan ini adalah sebagai usaha untuk melahirkan warganegara yang mempunyai keperibadian kebangsaan serta mendokong semangat kesedaran untuk perpaduan, patriotisme dan persefahaman antarabangsa.

Pemilihan isi kandungan mata pelajaran Sejarah adalah berasaskan kepada prinsip yang menekankan sejarah Malaysia, dan sejarah dunia yang berhubungkait dengan kepentingan negara. Pendekatan yang digunakan adalah bersifat setempat, bermula daripada sejarah Malaysia dan berkembang merangkumi Asia Tenggara, Asia Timur dan dunia antarabangsa. Sukatan pelajaran KBSM jelas memperlihatkan kemantapan dengan menyatakan objektif pengajaran dan pembelajaran, penerapan nilai-nilai dan akhlak, pemerolehan ikhtibar dan pengajaran, serta pemupukan semangat kewarganegaraan. Penekanan juga diberi kepada aspek-aspek afektif yang berkaitan dengan sikap, perasaan dan penghargaan. Satu unsur yang dianggap baru ialah diperkenalkan sejarah tempatan yang dikendalikan secara projek di Tingkatan Satu hingga Tiga. Justru, aspek kemahiran belajar dan nilai-nilai dapat diperkuuh dan diperkembangkan lagi.

Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah terlalu bergantung kepada buku teks semata-mata. Apa yang lebih membimbangkan ialah wujudnya fenomena bergantung kepada buku-buku kerja (Aids Books) di sekolah-sekolah. Ini akan membunuh pendidikan sejarah dan jika digunakan berleluasa akan membawa "sial" kepada pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah-sekolah.<sup>6</sup> Seterusnya, Khoo Kay Kim (2002), dalam temubualnya dengan penulis, mengkritik

pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah-sekolah yang sedang menghadapi keadaan yang amat kemelut dan amat serius. Ketidakupayaan guru-guru untuk mengajar sejarah secara berkesan amat ketara. Beliau seterusnya menyeru perkara ini perlu diubah. Guru-guru wajib mempunyai kemahiran profesionalisme yang tinggi, keprihatinan serta mempunyai sikap yang positif untuk mengajar sejarah.<sup>7</sup>

Kurikulum mata pelajaran Sejarah dalam KBSM telah dirancang dengan baik. Falsafah, matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran telah dinyatakan dengan jelas. Fokus terhadap sejarah Malaysia dan Kajian Sejarah Tempatan telah diterapkan dalam kurikulum. Walau bagaimanapun, perlaksanaan kurikulum Sejarah di sekolah-sekolah berhadapan dengan pelbagai masalah dan kekangan.

Sharifah Maimunah (1991) telah mengkaji perkembangan kurikulum Sejarah di Malaysia dan melaporkan bahawa kurikulum yang disediakan di peringkat pusat kurang mengalami keselarasan di antara hasrat dan objektif pendidikan dengan perlaksanaan. Beliau telah mengemukakan beberapa sebab mengenai ketidakselarasan ini. Pertama, adanya kelemahan dari aspek strategi penyebaran kurikulum baru yang terlalu cepat dan terlalu optimistik terhadap kesanggupan guru untuk mengubah amalan kebiasaan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Kedua, terdapat kecaburan di kalangan guru-guru mengakibatkan timbul berbagai interpretasi terhadap konsep kurikulum, falsafah dan nilai-nilai yang hendak diterapkan. Ketiga, mekanisma sokongan terhadap profesyen perguruan sukar dikekalkan seperti kursus dalam perkhidmatan, pemantauan dan khidmat nasihat hanya diberikan di peringkat awal sahaja. Akhir sekali, penyebaran mengenai kurikulum baru dianggap melalui "*cascading model*", (aliran ke bawah)

menyebabkan berlaku pencairan konsep dan matlamat yang telah dihasratkan oleh penggubal kurikulum.<sup>8</sup>

Tidak dapat dipastikan sama ada guru-guru memahami falsafah, matlamat dan objektif kurikulum KBSM. Ini adalah kerana ianya dianggap terlalu idealistik.<sup>9</sup> Selain daripada itu, maklumat dan pengetahuan tentang KBSM diperolehi melalui sumber kedua atau ketiga secara tidak langsung. Ramai guru juga didapati kurang faham atau tidak faham beberapa kaedah yang disyorkan untuk mengajar Sejarah KBSM seperti kaedah simulasi, main peranan, kaedah penggunaan sumber pertama dan kaedah penggunaan sumber kedua. Akibat daripada itu, guru-guru terus mengamalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional.<sup>10</sup>

Pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah kurang menarik dan tidak berkesan. Laporan pemantauan yang dijalankan oleh Jemaah Nazir Sekolah (JNS) dan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) pada tahun 1993, mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran sejarah tidak banyak berubah. Pelajar-pelajar kurang berminat untuk belajar sejarah kerana tumpuan hanya diberikan kepada pemerolehan pengetahuan serta penggunaan kaedah bercorak hafalan sahaja. Pengajaran dan pembelajaran hanya berpusatkan kepada guru dan bercorak sehala. Pengajaran guru tidak melibatkan pelajar secara aktif. Hal ini memperlihatkan kepincangan dalam perlaksanaan kurikulum sejarah. Terdapat beberapa faktor yang telah dikenalpasti yang menyumbang kepada masalah di atas seperti masalah guru yang tidak menghusus dalam sejarah, alat bantu mengajar tidak digunakan, panitia sejarah kurang aktif, kurang program perkembangan staf, guru kurang berjaya menerap dan memupuk nilai-nilai murni dan ikhtibar, guru

kurang kemahiran teknik menyoal dan kegagalan menerapkan unsur-unsur mata pelajaran lain dalam sejarah.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang digunakan oleh guru kurang menarik dan boleh mematikan semangat serta motivasi pelajar untuk mempelajari sejarah. Satu tinjauan yang dijalankan oleh Unit Kajian Kemasyarkatan Jabatan Pelajaran Johor di 59 buah sekolah rendah dan 39 buah sekolah menengah di Muar, mendapati kebanyakan guru sejarah bergantung sepenuhnya kepada isi pelajaran daripada buku teks, pengajaran berdasarkan kaedah syarahan dan penerangan. Di dapat amat sedikit guru yang berusaha menyampaikan pengajaran berdasarkan kaedah yang menekankan aspek-aspek penyiasatan, penerokaan dan penemuan.

Guru-guru Sejarah terpaksa mengamalkan kaedah pembelajaran bersifat tradisional, seperti memberi nota, hafalan dan syarahan masih berlaku. Antara sebab guru menggunakan kaedah-kaedah ini adalah akibat beban kerja yang berat serta masa yang tidak mencukupi untuk menghabiskan sukanan pelajaran. Kajian Wan Mohamad Zahid (1992) mendapati hanya 6.6 minit daripada 40 minit yang diperuntukkan, digunakan untuk pelajar memberi pendapat dan menjawab soalan sewaktu pembelajaran sejarah.<sup>11</sup> Keadaan ini berlaku disebabkan oleh masalah saiz kelas yang besar, pelajar-pelajar yang lemah dan persediaan guru yang tidak mencukupi. Umpamanya, dalam sukanan pelajaran Sejarah Tingkatan Tiga, terdapat 14 tajuk kecil daripada 3 tema utama yang perlu di pelajari. Keseluruhan pengajaran dan pembelajaran tajuk-tajuk tersebut perlu dihabiskan dalam tempoh setahun. Ini bermakna setiap tajuk kecil hanya mempunyai masa kurang dari sebulan untuk dipelajari. Ini tidak termasuk masa untuk

pelajar membuat persediaan mengulangkaji pelajaran tingkatan satu dan dua bagi menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada bulan Oktober/November setiap tahun. Kekangan masa yang dihadapi tidak memungkinkan pelajar dan guru dapat meluangkan masa untuk membaca sumber-sumber rujukan tambahan serta mengadakan perbincangan, mengkritik serta menjalankan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih bersifat terbuka.

Tekanan dan bebanan guru dalam memastikan sukanan pelajaran dihabiskan sebelum peperiksaan telah menyumbang ke arah proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat "status quo". Tekanan kerja yang dihadapi oleh guru-guru mendapat perhatian Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) sebagaimana yang dilaporkan dalam *Utusan Malaysia*, bertarikh 13hb. Februari, 2002, yang menggesa Kementerian Pendidikan menempatkan seorang kaunselor guru di setiap daerah di negara ini. Tujuan kaunselor adalah bagi memastikan segala masalah yang dihadapi oleh guru, terutamanya masalah tekanan kerja dapat dibincangkan. Di samping itu, bilangan pelajar yang padat dalam sesbuah kelas turut menyumbang kepada ketidakupayaan guru menguasai kemahiran yang dihasratkan oleh sukanan pelajaran.

Kelemahan perlaksanaan kurikulum di bilik darjah secara langsung memberi kesan kepada pencapaian dalam peperiksaan-peperiksaan awam. Laporan Prestasi Mata Pelajaran Sejarah Tahun 2000 oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, menunjukkan jumlah pelajar menggunakan teknik menghafal dan meramal topik-topik tertentu tanpa menganalisis kehendak soalan dalam peperiksaan adalah tinggi. Statistik keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari

tahun 1996 hingga 2000, menunjukkan pencapaian yang kurang memuaskan, iaitu seperti yang dipaparkan dalam Jadual III berikut:

**Jadual III**  
**Statistik Keputusan Peperiksaan Mata Pelajaran Sejarah PMR dan SPM dari Tahun 1996 Hingga 2000**

**PMR (1996-2000)**

Tahun	Bil. Calon	Gred A (%)	Gred B (%)	Gred C (%)	Gred D (%)	Gred E (%)	Jumlah lulus (%)
1996	331,610	13.3	17.1	25.3	32.0	12.3	87.7
1997	340,190	13.4	17.1	24.7	35.3	9.5	90.5
1998	383,429	12.0	18.0	27.1	33.5	9.3	90.6
1999	367,815	11.5	18.7	24.9	33.4	11.6	88.4
2000	389,489	11.7	19.2	25.4	33.3	10.3	89.6

**SPM (1996-2000)**

Tahun	Bil. Calon	Cemerlang (%)	Kepujian (%)	Lulus (%)	Jumlah Lulus (%)
1996	228,501	7.6	29.9	28.6	66.1
1997	252,097	7.6	30.0	29.8	67.4
1998	280,484	7.9	28.1	29.9	65.9
1999	292,960	8.7	28.2	29.4	66.3
2000	340,811	8.4	29.1	29.5	67.0

(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2001)

Daripada jadual di atas, didapati bahawa purata lulus bagi peperiksaan PMR bagi tahun 1996 hingga 2000 adalah agak tinggi, iaitu 89.4%. Tetapi, purata pencapaian cemerlang (Gred A) amat kecil, iaitu 12.4% sahaja. Manakala pencapaian di peringkat SPM menunjukkan kemerosotan yang serius. Peratusan jumlah lulus adalah sederhana,

iaitu 66.5%. Sementara peratusan calon yang mencapai tahap cemerlang terlalu kecil, iaitu 8.1% sahaja. Pencapaian yang tidak memberangsangkan ini memberi gambaran bahawa terdapatnya kepincangan dalam perlaksanaan kurikulum di peringkat perancang dasar, penggubal kurikulum dan di peringkat perlaksanaan. Hal ini tidak wajar berlaku memandangkan kepentingan mata pelajaran Sejarah tersebut sebagai pendokong utama dalam usaha penerapan nilai-nilai kewarganegaraan dan integrasi nasional dalam masyarakat, khususnya pelajar-pelajar. Lebih-lebih lagi mata pelajaran ini telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras dan diwajibkan di sekolah-sekolah.

Kajian oleh Rajoo Arokiasamy (1996) mendapati bahawa wujudnya perbezaan minat dan persepsi di kalangan pelajar-pelajar Melayu, India dan Cina terhadap mata pelajaran Sejarah.<sup>12</sup> Beliau mendapati bahawa minat dan persepsi pelajar-pelajar Melayu dan India terhadap pembelajaran Sejarah adalah tinggi, tetapi tidak di kalangan pelajar-pelajar Cina. Minat dan persepsi pelajar Cina menunjukkan skor yang rendah. Manakala kajian oleh Baharuddin Jabar (1999) mendapati bahawa sikap dan perasaan pelajar aliran sains terhadap mata pelajaran Sejarah adalah sederhana.<sup>13</sup> Sejumlah 60% sahaja pelajar didapati menyedari bahawa mata pelajaran Sejarah adalah penting dan berguna dalam kehidupan seharian. Selebihnya berpendapat bahawa mata pelajaran Sejarah adalah membosankan dan tidak berfaedah. Keadaan sedemikian ini mempunyai hubungan yang rapat dengan sikap dan persepsi guru itu sendiri. Siti Rohani Abdullah (1998) mendapati bahawa sikap guru Sejarah menjadi penentu kepada minat dan motivasi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah.<sup>14</sup> Manakala Tan Ai Hoon (1997) merumuskan bahawa pemikiran guru dalam menghayati hasrat dan perlaksanaan kurikulum Sejarah dalam KBSM mempengaruhi perlaksanaan

dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah tersebut. Selain daripada itu, beliau mendapat terdapat jurang yang agak luas antara kurikulum yang dihasratkan dengan yang beroperasi.<sup>15</sup>

Guru Sejarah diamanahkan sebagai agen pelaksana yang penting dalam menentukan keberkesanan pembelajaran serta pencapaian matlamat sebagaimana yang terkandung dalam sukanan pelajaran. Sikap dan persepsi guru menjadi unsur penting dan mempengaruhi perlaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Guru Sejarah perlu mempunyai sikap yang positif serta bermotivasi tinggi bertindak sebagai model bagi merealisasikan wawasan dalam pendidikan Sejarah. Guru Sejarah harus bersedia bagi melaksanakan matlamat pendidikan sejarah. Tugas guru hanya dapat dicapai dengan berkesan bergantung kepada kualiti guru Sejarah. Kualiti guru Sejarah yang baik ialah merangkumi aspek pengurusan pengajaran dan pembelajaran, kreativiti dan inovasi, berwibawa serta mampu menonjolkan ciri-ciri peribadi yang positif.<sup>16</sup>

Dalam realiti pengajaran dan pembelajaran Sejarah di bilik darjah, didapati bahawa tahap kualiti diri dan profesionalisme guru Sejarah masih kurang memuaskan. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa tahap penyediaan guru untuk melaksanakan kurikulum Sejarah KBSR dan KBSM hanya berlaku semasa di peringkat pra-perkhidmatan. Ahmad Talib (1994) meninjau pendapat dan pandangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah di peringkat menengah rendah dan mendapati bahawa semua guru yang ditemui telah menghadiri kursus yang dijalankan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Sejarah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.<sup>17</sup> Sebilangan besar guru berpendapat bahawa kursus yang dihadiri telah berjaya mencapai

objektifnya, berfaedah dan berasa yakin untuk mengajar sejarah KBSM. Walau bagaimanapun, kursus yang dihadiri tidak menyeluruh. Ada guru hanya mengikuti kursus untuk mengajar tingkatan satu sahaja dan tidak untuk mengajar tingkatan dua dan tiga.

Hasil kajian Ahmad Talib (1994) ini juga mendapati bahawa guru-guru kurang mendapat bimbingan semasa dalam perkhidmatan.<sup>18</sup> Majoriti guru mendakwa pihak nazir tidak pernah memberi bimbingan dan 27.3% menyatakan menerima kunjungan nazir pada kadar "kadang-kadang". Sementara 59.1% mengatakan bahawa kakitangan sumber mata pelajaran sejarah tidak pernah memberikan bimbingan, manakala hanya 50% sahaja daripada mereka yang menerima bimbingan penggunaan alat bantuan mengajar. Fenomena ini boleh dikaitkan dengan kenyataan oleh Ketua Jemaan Nazir Sekolah (JNS) Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Abdul Rahim Tahir, seperti yang dilaporkan dalam *Utusan Malaysia*, bertarikh 1hb. Mac, 2002, yang menegaskan bahawa jumlah nazir sedia ada seramai 320 orang adalah tidak mencukupi untuk melakukan pemantauan di kira-kira 15,000 buah sekolah, termasuk sekolah swasta dan taman didikan kanak-kanak di seluruh negara. Menurut beliau lagi, nisbah nazir dan institusi pendidikan yang perlu dipantau ialah 1:30 . Keadaan ini adalah membebankan para nazir, terutama untuk melakukan pemantauan dengan lebih kerap. Justru, penambahan jumlah nazir seramai 680 orang diperlukan bagi menjadikan nisbah sedia ada dapat dikurangkan kepada 1:10 sahaja.

Jamil Jaamat (1996) menyatakan wujud kaitan di antara method pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang diamalkan oleh guru dengan minat dan tumpuan pelajar di

bilik darjah. Beliau menjalankan kajian kes terhadap 25 orang pelajar di sebuah menengah di Melaka. Pada peringkat awal, pengkaji mengajar di dalam kelas sejarah seolah-olah berada "...di atas tanah perkuburan.". Pendekatan kurikulum lama sekolah menengah (KLSM) yang lebih menjuruskan kepada "chalk and talk", tanpa pengetahuan alat bantuan mengajar (ABM) dan usaha gigih daripada guru khususnya di dalam kemahiran belajar, menyebabkan pelajar-pelajar bosan dan tidak berminat terhadap mata pelajaran Sejarah. Ia kemungkinan juga berlaku kerana sekolah tersebut merupakan sekolah berasrama penuh yang lebih mementingkan mata pelajaran Sains Tulen dan Matematik. Sebaliknya, pengkaji mendapati bahawa sekiranya guru dapat menggunakan pendekatan baru dan inovatif dengan memuatkan unsur-unsur pemikiran kritis dan kreatif, serta dapat "...mendekati pelajar...", ia bukan sahaja menjadikan pelajar "hidup" dan sangat berminat, malah dapat meningkatkan lagi kualiti pencapaian mata pelajaran tersebut di dalam peperiksaan.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Ranjit Singh Malhi, seperti dilaporkan dalam *New Straits Times*, (November, 2001:11) mendapati bahawa 70 % daripada pelajar tingkatan empat dan lima yang dikaji bersetuju bahawa Sejarah adalah satu mata pelajaran yang menarik tetapi dijadikan tidak menarik oleh guru yang mengajarnya. Di dapati juga bahawa masih ramai guru sejarah mengamalkan kaedah syarahan dan pengambilan nota semata-mata dalam aktiviti pengajaran mereka di bilik darjah. Hasil kajian beliau juga mendapati bahawa kurang daripada 10% guru sejarah yang kerap mengemukakan soalan-soalan kritis tahap tinggi atau "high-order questions" dalam aktiviti pengajaran mereka. Akibatnya, pelajar-pelajar menghadapi masalah apabila berhadapan dengan soalan-soalan berbentuk kritis yang memerlukan pandangan atau

pendapat mereka. Contohnya seperti "Jelaskan signifikasi Revolusi Pertanian semasa Zaman Neolitik dalam konteks kemunculan tamadun-tamadun awal" dan "Sejauhmanakah Perang Dunia Kedua adalah hasil daripada Perang Dunia Pertama?".

Selain dari itu, Ranjit Singh Malhi (2001) juga mendapati bahawa hampir kesemua guru sejarah yang terlibat dalam kajian ini bergantung sepenuhnya kepada penggunaan buku teks di dalam aktiviti pengajaran dan pengajaran mereka. Kadangkala kesilapan-kesilapan di dalam isi kandungan buku teks tersebut tidak disedari dan dianggap sebagai betul. Contohnya, di dalam buku teks *Sejarah Tamadun Dunia Tingkatan Empat* (1992), halaman 96, dinyatakan Ferdinand Magellan adalah orang yang pertama belayar mengelilingi dunia. Fakta sebenar ialah kakitangan Magellan yang bernama Sebastian del Cano adalah orang yang pertama berbuat demikian, iaitu setelah Magellan mati dibunuh di Kepulauan Filipina pada 27hb. April, 1521.

Kandungan buku teks Sejarah juga masih kurang menghuraikan aspek-aspek yang dapat menimbulkan semangat perpaduan kaum di Malaysia.<sup>19</sup> Contohnya, buku teks tingkatan satu dalam Bab Tujuh lebih menunjukkan faktor-faktor penting kedatangan Portugis ke Melaka dari aspek kepentingan negara itu. Aspek daya tarikan yang terdapat di Melaka tidak dihuraikan dengan baik (*Sila Rujuk Lampiran I*). Terdapat juga beberapa fakta penting ditinggalkan. Ini mencacatkan pengetahuan dan kefahaman di kalangan pelajar. Kedatangan Puteri Hang Li Po ke Melaka tidak diberikan penjelasan yang mencukupi. Padahal ianya meninggalkan kesan sejarah kepada Melaka seperti penempatan orang Cina di Bukit Cina Melaka dan kewujudan kaum Baba di Melaka. Toleransi antara kaum tidak ditonjolkan. Begitu juga

sumbang dan sokongan pedagang-pedagang India dan Arab dalam perdagangan, sistem pemerintahan dan sistem sosioekonomi tidak dijelaskan dengan baik. Sumbangan pedagang-pedagang luar kepada ekonomi negara tidak diuraikan dengan lengkap. Ini penting bagi menimbulkan sikap terbuka dan toleransi terhadap pedagang-pedagang luar.

Dalam buku teks *Sejarah tingkatan satu*, terdapat unsur-unsur berat sebelah dalam menonjolkan masyarakat bumiputera Islam dan bukan Islam dari segi peraturan dan adat resam. Contohnya, dalam buku *Sejarah KBSM Tingkatan Satu* (1999), Bab Sebelas, orang Bajau Sabah digambarkan sebagai masyarakat yang bersatu, cekap dan adanya panglima-panglima yang gagah berani. Manakala orang bumiputera bukan Islam digambarkan secara negatif, iaitu seperti mengamalkan sistem hukuman denda atau ganti rugi yang dikenali sebagai *sugit*, *babas*, dan *kepanasan* (Sila Rujuk Lampiran J).

Walau bagaimanapun, nilai-nilai kewarganegaraan telah diterap dengan baik dalam buku-buku teks *Sejarah* yang digunakan di sekolah-sekolah. Nilai-nilai semangat kekitaan didapati paling menonjol. Unsur-unsur semangat setia negara, berbangga sebagai rakyat Malaysia, bersyukur, berusaha, dan produktif ditonjolkan dengan baik. Contohnya, dalam buku *Sejarah KBSM Tingkatan Dua* (1999), terdapat gambar-gambar dan carta-carta yang dapat menimbulkan perasaan bangga terhadap Malaysia, seperti gambar Syarif Masahor, Dato' Maharaja Lela, Dato' Bahaman dan lain-lain (Sila Rujuk Lampiran K).

Kandungan buku teks *Sejarah KBSM Tingkatan Dua* (1999) ditulis bertujuan

untuk meningkatkan pemerolehan sejarah serta kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Unsur kewarganegaraan, Wawasan 2020 dan penghayatan nilai-nilai murini diberi penekanan dalam usaha memupuk semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia. Malah, tema buku tersebut "Kemakmuran dan Kekayaan Negara Kita Menarik Kuasa Luar Menjajah Negara Kita" dan "Tindak Balas Untuk Menebus Maruah Bangsa dan Negara" menunjukkan betapa perisitiwa sejarah tempatan ditekankan dalam usaha membina semangat patriotisme di kalangan bangsa Malaysia.

Perasaan bangga terhadap wira-wira yang ditonjolkan melalui perjuangan tokoh-tokoh tempatan menentang penjajahan barat dapat dipupuk, di samping melahirkan ramai tokoh intelek yang hebat, seperti Isahak Haji Muhammad, A. Samad Ahmad, Abdul Rahim Kajai dan lain-lain. Semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia diterapkan melalui ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh Sultan dan pemimpin-pemimpin tempatan. Contohnya, dalam buku *Sejarah KBSM Tingkatan Dua*, halaman 32, paparan kepimpinan Tun Perak yang terkenal dengan kebolehan dan kebijaksanaannya dapat membangkitkan semangat pelajar-pelajar. Begitu juga semangat perjuangan yang ditunjukkan oleh Tun Perak apabila sanggup membawa pengikut-pengikutnya bersama anak dan isteri masing-masing ke medan perjuangan untuk mempertahankan Melaka apabila diserang oleh tentera Siam menyerang pada tahun

1445.

Walau bagaimanapun, tidak banyak maklumat diberi mengenai sumbangan dan peranan tokoh-tokoh bukan Melayu terhadap sejarah pembangunan tanahair. Antara contoh seperti Tan Siew Sin, Tan Cheng Loke, Khoo Chong Kong, D. R.

Seenivasagam, P. P. Narayanan dan lain-lain. Rujukan kepada tokoh bukan Melayu, secara umumnya, hanya terhad kepada peranan Yap Ah Low, kegiatan kongsi-kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San sahaja. Begitu juga tidak dipaparkan dengan jelas, peranan tokoh-tokoh bukan Melayu dalam perjuangan nasionalisme di Tanah Melayu, terutamanya dalam gerakan penentangan terhadap Malayan Union, penentangan terhadap ancaman komunis, dan perjuangan menuntut kemerdekaan.

Seterusnya, penerapan unsur-unsur kewarganegaraan dan perpaduan kaum dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah adalah bersifat tersirat. Ia dilakukan secara tidak langsung melalui pengetahuan sejarah yang diperolehi. Walau bagaimanapun, tiada guru yang secara berterusan menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan kepada pelajar-pelajar secara langsung.<sup>20</sup> Kalaupun ada, ia dilakukan secara berselang-seli bergantung kepada faktor masa yang masih tinggal, munculnya ide-ide spontan atau terdapatnya tajuk-tajuk yang sesuai atau mudah untuk diterapkan nilai-nilai kewarganegaraan. Seterusnya, wujud beberapa masalah yang dihadapi oleh guru-guru untuk melakukan penerapan nilai-nilai kewarganegaraan, iaitu guru-guru tidak pernah mendapat latihan berkaitan dengan pendidikan kewarganegaraan dan tidak memahami konsep kewarganegaraan secara mendalam. Guru-guru juga tidak mempunyai sumber rujukan yang sesuai yang dapat membantu guru-guru menerapkan nilai-nilai tersebut secara berkesan. Malah, aspek nilai kewarganegaraan bukan menjadi fokus dalam penilaian peperiksaan awam dan jumlahnya terlalu kecil atau kadangkala tidak dinilai sama sekali.<sup>21</sup>

Sebagai rumusan, kurikulum mata pelajaran sejarah dalam KBSP telah

mengalami banyak perubahan. Falsafah, matlamat dan objektif pendidikan sejarah telah dinyatakan dengan jelas dan terperinci sebagaimana yang terdapat dalam *Sukatan Pelajaran* dan *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah* bagi semua peringkat pengajian. Hasrat untuk menerapkan unsur-unsur perpaduan kaum dan nilai-nilai kewarganegaraan juga telah dinyatakan dengan jelas.

Dari segi amalannya, penerapan nilai-nilai tersebut adalah kurang berkesan. Tegasnya, di peringkat perlaksanaan di bilik darjah tidak banyak berlaku perubahan kerana masih berhadapan dengan masalah-masalah lama. Beberapa masalah yang dikenalpasti ialah kegagalan mata pelajaran itu membangunkan nilai-nilai kewarganegaraan di kalangan pelajar, kurangnya minat pelajar untuk mempelajari Sejarah, dan proses pengajaran dan pembelajaran masih berorientasikan peperiksaan.

Guru-guru terkongkong dan mengalami tekanan untuk menghabiskan sukanan pelajaran dalam waktu yang terhad. Keadaan ini tidak membenarkan mereka memberikan tumpuan yang lebih terhadap aspek penerapan nilai-nilai kewarganegaraan dan pemupukan semangat perpaduan kaum di dalam aktiviti pengajaran mereka di bilik darjah. Lebih-lebih lagi soalan-soalan peperiksaan tidak menjurus ke arah menilai aspek berkaitan dengan sikap, persepsi, perasaan dan kebanggaan menjadi warganegara Malaysia. Semua masalah tersebut berpunca daripada kelemahan penyebaran maklumat KBSM ke peringkat akar umbi. Guru sebagai agen pelaksana yang penting masih kabur tentang falsafah, matlamat dan objektif mata pelajaran Sejarah dalam KBSM. Lebih-lebih lagi kurangnya khidmat sokongan dan pemantauan daripada pihak-pihak yang berkaitan.

1. Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin (1988). Pendidikan sejarah di sekolah rendah dan menengah (KBSR/KBSM): objektif dan pencapaian. Dalam *Sejarah Dalam Pendidikan*. Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur: DBP, KPM. hlm. 25.
2. Kementerian Pendidikan Malaysia (1994). *Buku Panduan KBSM*. Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur: DBP, KPM. hlm. 13.
3. Ibid. hlm. 14
4. Ibid. hlm. 17.
5. Anuar Ahmad (2000). The development of history education in Malaysia: the misconception of philosophical history in teaching and learning in Malaysia: a curriculum analysis. *Philosophy Development in Society Seminar Proceeding*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Faculty of Development Science. hlm. 4.
6. Omar Mohd. Hashim (2001). Peranan NGO dalam meningkatkan kesedaran dan mutu pendidikan Sejarah dan program-program kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah Ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik*. Pusat Perkembangan Kurikulum dan Persatuan Sejarah Malaysia. hlm. 16.
7. Khoo Kay Kim (2002). Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Temubual pada 13hb. Mac.
8. Sharifah Maimunah Syed Zun & Lewin, K. M. (1991). Curriculum development in Malaysia. Dalam March, C. & Morris, P. *Curriculum Development in East Asia*. U.K.: The Falmer Press. hlm. 11.
9. Haris Md. Jadi (1993). *Persepsi mata pelajaran sejarah dalam menangani cabaran Wawasan 2020*. Seminar Perlaksanaan Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Rendah KBSM, 11-13 Mei, 1993. hlm. 16.
10. Ahmad Talib (1994). *Penyediaan Guru Untuk Melaksanakan Kurikulum Sejarah KBSM: Satu Tinjauan Di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 124.
11. Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin (1992). op.cit. hlm. 29.
12. Rajoo Ariokasamy (1996). *Persepsi Pelajar Tingkatan 2 dan 4 Terhadap Sejarah dan Kajian Sejarah Tempatan*.
13. Baharuddin Jabar (1999). *Sikap Pelajar Aliran Sains Tingkatan Empat Terhadap Mata Pelajaran Sejarah*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 56.
14. Siti Rohani Abdullah (1998). *Sikap Guru dalam Pengajaran Sejarah*. Tesis Sarjana Sintok: Universiti Utara Malaysia. hlm. 114.

15. Tan Ai Hoon (1997). *Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah Rendah: Satu Kajian Pemikiran Guru Mengenai Pernyataan Hasrat dan Perlaksanaan*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 87.
16. Abd. Rahim Abd. Rashid (2001). Guru sejarah berkesan dan bermotivasi tinggi dalam pengajaran sejarah dan penerapan patriotisme. *Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah Ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. hlm. 43.
17. Ahmad Talib (1994). op. cit. hlm. 40.
18. Ibid. hlm. 41.
19. Gunasekaran Karapaya (1997). *Pendidikan Sejarah Di Sekolah Menengah Rendah Di Malaysia: Satu Kajian Tentang Sejauhmana Buku Teks Sejarah Menepati Matlamat Pendidikan Sejarah*. Tesis Sarjana. Minden: Universiti Sains Malaysia. hlm. 96.
20. Anuar Ahmad (2001). op. cit. hlm. 14.
21. Ibid. hlm. 16.